7 PROGRAM BANTUAN PERAKAUNAN DAN PENGAUDITAN KEPADA KOPERASI KLUSTER KECIL & MIKRO (PAKAR)

## KATEGORI DAN AMAUN BANTUAN

### 1 BANTUAN PENYEDIAAN AKAUN KOPERASI (BANTUAN AKAUN)

Kumpulan sasar - koperasi kecil dan mikro oleh panel firma perakaunan atau orang kompeten bagi akaun yang telah tertunggak sekurang-kurangnya dua (2) tahun kewangan.

Jumlah bantuan - sehingga RM3,000.00 (SM) dan RM3,500.00 (SS) bagi setiap koperasi (tertakluk kepada terma dan syarat).

### 2 BANTUAN PENGAUDITAN KOPERASI (BANTUAN AUDIT)

Diaudit oleh firma juruaudit swasta yang diberi kelulusan mengaudit akaun koperasi oleh SKM. Firma audit berlainan dengan penyediaan akaun.

Jumlah bantuan sehingga RM3,000.00 (SM) dan RM3,500.00 (SS) bagi setiap firma/ koperasi (tertakluk kepada terma dan syarat).

Sekiranya koperasi mikro yang menerima bantuan akaun dan diaudit oleh juruaudit SKM, koperasi boleh dikenakan bayaran fi audit pada kadar minimum dan koperasi tidak akan ditawarkan bantuan audit.

## BANTUAN SISTEM PERAKAUNAN KOPERASI

Koperasi yang telah menerima bantuan akaun/audit adalah layak menerima bantuan menggunakan sistem perakaunan sama ada:

(i)Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA); atau
(ii)mana-mana sistem yang diperakui oleh SKM.

Koperasi yang tidak mempunyai sistem perakaunan adalah diwajibkan untuk mengguna pakai salah satu sistem yang dinyatakan di atas atau sistem Easy Coop yang dibangunkan oleh SKM.

## KEGAGALAN PENYEDIAAN AKAUN/PENGAUDITAN

Tindakan kompaun atau pendakwaan di bawah Akta Koperasi 1993 boleh dikenakan ke atas koperasi jika masih gagal menyediakan akaun akhir serta memastikannya diaudit jika bantuan bagi penyediaan akaun atau pengauditan atau kedua-duanya sekali telah diberikan atau telah ditawarkan kepada koperasi tetapi ditolak oleh koperasi tersebut.

## CAWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA


**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Ibu Pejabat**
Menara Suruhanjaya Koperasi Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan**
Tingkat 1, Menara Suruhanjaya Koperasi Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
Tel: 03-2083 4200 Faks: 03-2083 4286

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Kedah**
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,- Bandar Mu'adzam Shah, 06550 Alor Setar, Kedah
Tel: 04-733 1922 Faks: 04-734 1922

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Perak**
Tingkat 1, Blok C, Bangunan Persekutuan Ipoh, Jalan Dato' Seri Ahmad Said, 30450 Ipoh, Perak
Tel: 05-254 9396, 05-255 1664/1669 Faks: 05-255 0670

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Sabah**
Tingkat 7, Menara MAA, Api-Api Centre, Peti Surat 11276, 88814 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-216 022/023/ 024, 088-224 821 Faks: 088-216 724

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Johor**
Tingkat 5, Blok B, Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek, 80000 Johor Bharu, Johor.
Tel: 07-223 1743/ 9352 Faks: 07-223 2564

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Terengganu**
Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Peti Surat 113, 20710 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-620 3776 Faks: 09-620 3773

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Kelantan**
Tingkat 8, Wisma Persekutuan, Jalan Bayam, 15608 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-748 2090, 09-744 1388 Faks: 09-747 9454

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Selangor**
F-G-33A, Vista Alam, No. 3, Presint 4.5, Jalan Ikhtisas 14/1, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5523 4475/ 1869 Faks: 03-5524 3014

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang**
Tingkat 5, Bangunan Tuanku Syed Putra, 10750 Pulau Pinang
Tel: 04-261 1335, 04-262 3514 Faks: 04-263 9429

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Sembilan**
Tingkat 5, Wisma Persekutuan, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
Tel: 06-763 5551/5552 Faks: 06-764 9467

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang**
Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Jalan Gambut, 25000 Kuantan, Pahang
Tel: 09-512 1260 Faks: 09-516 4701

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Perlis**
Tingkat 4, Bangunan Persekutuan Kangar, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis
Tel: 04-976 1009 Faks: 04-976 7025

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Sarawak**
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1368, 93608 Kuching, Sarawak
Tel: 082-245 233/234 Faks: 082-254 068

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Melaka**
Aras 10, Menara Persekutuan, Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06-234 5466/ 5476/5486 Faks: 06-234 5488


SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

# BAHAGIAN AUDIT KOPERASI (BAK)

www.skm.gov.my

## OBJEKTIF BAK

1. Tugas dan tanggungjawab ini terletak di bawah sektor operasi dan kawal selia.
2. Memastikan pelaksanaan proses pengauditan ke atas akaun-akaun koperasi; dan
3. Memastikan pematuhan pelaporan penyata kewangan oleh koperasi melalui penyediaan pandangan Suruhanjaya.

## FUNGSI BAK

1. Menyemak dan meneliti akaun-akaun teraudit koperasi untuk pemberian pandangan Suruhanjaya di bawah subseksyen 59(2) Akta Koperasi 1993 (Akta)
2. Melaksanakan pengauditan ke atas akaun koperasi di bawah subseksyen 60(2) Akta
3. Memproses permohonan dividen di bawah perenggan 57(5)(b) dan subseksyen 57(8) Akta
4. Memproses permohonan honorarium di bawah perenggan 57(5)(c) Akta
5. Memproses permohonan penerbitan syer bonus di bawah peraturan 28, Peraturan – Peraturan Koperasi 2010 dan perenggan 57(1B)(b) Akta
6. Memproses penilaian semula tanah atau/dan bangunan sebagai aset tetap di bawah perenggan 55(1)(b) Akta
7. Memberi kelulusan kepada individu yang berkelayakan untuk mengaudit akaun koperasi di bawah subseksyen 61(1) Akta
8. Melaksana semakan ke atas kertas kerja pengauditan yang dijalankan oleh juruaudit swasta yang diberi kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 61(1) Akta
9. Melaksana semakan kualiti pengauditan yang dijalankan oleh Juruaudit SKM Negeri
10. Memantau prestasi audit (juruaudit SKM dan juruaudit swasta)
11. Menyediakan garis panduan/manual berkaitan audit dan akaun.
12. Memantau prestasi kutipan fi audit Suruhanjaya
13. Mengurus latihan kakitangan Bahagian Audit Koperasi Ibu Pejabat dan Negeri
14. Mengurus dan memantau prestasi program pengakaunan dan pengauditan akaun koperasi (PKASA dan PAKAR)

## PERKHIDMATAN BAK

### 1. Kemasukan Data Kewangan Koperasi

Kemasukan data kewangan teraudit koperasi hendaklah dimasukkan ke dalam sistem apponline




QR CODE APP-ONLINE

https://apponline.skm.gov.my/Kewangan/kwCarianCopr.aspx.

a) Maklumat Juruaudit
b) Maklumat Am Koperasi
c) Maklumat Subsidiari (jika ada)
d) Maklumat Syarikat Bersekutu (jika ada)
e) Muatnaik Penyata Kewangan Teraudit Koperasi
f) Muatnaik Penyata Kewangan Subsidiari (jika ada)

### 2. Permohonan Kelulusan Dividen, Honorarium dan Syer Bonus (Secara Online)

Permohonan boleh dibuat melalui https://apponline.skm.gov.my/ dan diproses oleh Suruhanjaya. Sebelum membuat permohonan, pihak koperasi perlu mendaftar sebagai *user e-online* SKM dan keputusan permohonan akan dihantar melalui medium tersebut.

Permohonan https://apponline.skm.gov.my/ → Proses → Kelulusan Suruhanjaya

### 3. *Excel Accounting System For Co-operative Societies (Easy Coop)*

Sistem Perakaunan Koperasi boleh diakses melalui:

QR Code Easy Coop

https://www.skm.gov.my/index.php/my/

### 4. Maklumat Juruaudit Swasta

Koperasi boleh mengakses senarai juruaudit swasta untuk tujuan pelantikan juruaudit koperasi selaras dengan seksyen 61 Akta Koperasi 1993.

### 5. Maklumat Arahan, Perintah dan Garis Panduan, berkaitan Penyata Kewangan

GP1, GP2, GP22, GP23 dan GP26
Maklumat boleh diakses melalui website SKM,

QR CODE PERUNDANGAN

### 6. Program Pemerkasaan Akaun Koperasi (PKASA)

PKASA merupakan program yang dianjurkan untuk membantu koperasi menyediakan akaun akhir untuk tujuan pengauditan.

Koperasi boleh memohon untuk menyertai program ini dengan menghubungi SKM Negeri.